



Pegawai Kor Suksis IPTA seluruh negara membaca ikrar taat setia sempena penerimaan sijil pelantikan.

Suksis terima tauliah sijil pelantikan kali ke-10



Barisan siswi Kor Suksis turut merakam kenangan pada majlis istimewa mereka.

Seramai 1,026 Pegawai Kor Sukarelawan Siswa Siswi (Suksis) berjaya menerima Sijil Pelantikan Pegawai Kor Suksis institusi pengajian tinggi awam kali ke -10 2014.

Majlis berkenaan membabitkan 20 institusi pengajian tinggi awam seluruh negara menerima tauliah selepas tamat latihan itu.

Majlis disempurnakan Ketua Polis Selangor, Deputy Komisioner Datuk Abdul Samah Mat di Universiti Teknologi Mara Shah Alam yang turut dihadiri Komandan Kor Suksis UITM, Datuk Seri Prof Dr Sahol Hamid Abu Bakar.



Abdul Samah menerima cenderamata daripada Prof Dr Sahol.



Penerima anugerah Pelatih Terbaik Keseluruhan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nurul Syazana Mohd Noor.



Salah seorang penerima, Noor Shuhada Daud bersama ahli keluarganya yang turut hadir memeriahkan majlis tamat latihan.



Pegawai Kor Suksis USIM merakam kenangan bersama Komandan Kor Suksis, Asisten Komisioner Kor Suksis, Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah.